

How to Read a Book

Seni Membaca Buku

Cerekayasa adalah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

*...membaca buku yang
baik, rumit dan mencabar
bukan hanya akan membantu
anda menambah ilmu pengetahuan,
tetapi juga akan memberikan
anda kedalaman dalam
pemikiran, kearifan dan
kebijaksanaan.*

How to Read a Book

Seni Membaca Buku

Mortimer J. Adler
Charles Van Doren

Terjemahan oleh
Ruhan Shahrir



cerekayasa

Bangi

Malay Language Translation copyright © 2025 by Kawah Buku

How to Read a Book (A Ladder Edition), published by Yohan Publications, Inc.
(1981)

Copyright © 1940 by Mortimer J. Adler

Copyright renewed 1967 by Mortimer J. Adler

Copyright © 1972 by Mortimer J. Adler and Charles Van Doren

All Rights Reserved.

Published by arrangement with the original publisher, Touchstone, an Imprint of
Simon & Schuster, LLC

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian,
artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara
sekali pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang
cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2025 oleh

Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99518-7-2

Terjemahan oleh Ruhan Shahrir Abdul Halim

Suntingan dan susunan oleh Ahmad Afif

Bacaan semak oleh Hanisa, Khairunisa dan Iskandar Kamel

Lakaran dan reka bentuk kulit buku oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

Isi Kandungan

Prakata	xi
---------	----

Bahagian 1 – Kepentingan Membaca

1. Aktiviti Membaca	3
<i>Pembacaan Aktif • Tujuan Membaca: Maklumat dan Kefahaman • Pembacaan sebagai Kaedah Pembelajaran • Kehadiran dan Ketidakhadiran Guru</i>	
2. Tahap-tahap Pembacaan	19
3. Tahap Pertama Pembacaan: Asas	23
4. Tahap Kedua Pembacaan: Penelitian	27
<i>Pembacaan Sepintas Lalu • Pembacaan Pertama • Kadar Pembacaan • Kaedah Membaca dengan Lebih Cepat</i>	
5. Menjadi Pembaca yang Baik	41
<i>Empat Soalan Asas oleh Pembaca • Membentuk Tabiat Membaca</i>	

Bahagian 2 – Tahap Ketiga Pembacaan: Analitis

6. Mengklasifikasikan Buku	51
<i>Kepentingan Mengklasifikasikan Buku • Buku Teoretikal dan Buku Praktikal • Jenis-jenis Buku Teoretikal</i>	

- | | |
|--|-----|
| 7. Struktur Sebuah Buku | 65 |
| <i>Mengemukakan Kesatuan Sebuah Buku • Seni Menyusun Rangka Sebuah Buku • Seni Membaca dan Seni Menulis • Mencari Tujuan Penulis • Bahagian Pertama Pembacaan Analitis</i> | |
| 8. Memahami Istilah yang Digunakan Penulis | 81 |
| <i>Beza Perkataan dan Istilah • Mencari Perkataan Penting • Perkataan dan Kosa Kata Khusus • Mencari Makna</i> | |
| 9. Menentukan Mesej Penulis | 97 |
| <i>Ayat dan Pernyataan Sikap • Mencari Ayat Terpenting • Mencari Pernyataan Sikap • Mencari Hujah • Mencari Penyelesaian • Bahagian Kedua Pembacaan Analitis</i> | |
| 10. Mengkritik Buku Secara Adil | 117 |
| <i>Menangguhkan Penilaian • Membantah Penulis</i> | |
| 11. Menyokong atau Membantah Penulis | 127 |
| <i>Menilai Hujah Penulis • Menilai Sejaub Mana Lengkapnya Hujah Penulis • Bahagian Ketiga Pembacaan Analitis</i> | |
| 12. Bahan Bantu Pembacaan | 141 |
| <i>Menggunakan Pengalaman • Menggunakan Buku-buku Lain • Menggunakan Buku Rujukan • Menggunakan Kamus • Menggunakan Ensiklopedia</i> | |

Bahagian 3 – Pelbagai Jenis Bahan Bacaan

- | | |
|--|-----|
| 13. Kaedah Membaca Buku Praktikal | 155 |
| <i>Buku Sastera Kreatif • Buku Sejarah • Buku Sains dan Matematik • Buku Falsafah • Darihal Buku Keagamaan • Buku Sains Sosial</i> | |

Bahagian 4 – Tujuan Membaca

14. Tahap Keempat Pembacaan: Perbandingan <i>Meneliti Buku • Lima Langkah Penting</i>	191
15. Pembacaan dan Pertumbuhan Akal Fikiran <i>Kepentingan Buku-buku yang Baik • Buku yang Wajar Dibaca • Kehidupan dan Pertumbuhan Akal Fikiran</i>	201
Glosari	207

Prakata

How to Read a Book (versi Bahasa Melayunya diberi judul *Seni Membaca Buku*) pertama kali diterbitkan pada tahun 1940. Apa yang mengejutkan saya, sekali gus turut menggembirakan hati saya, apabila buku ini mendapat sambutan yang begitu hangat sekali, dan terus menjadi antara buku paling laris di Amerika Syarikat selama beberapa tahun. Sejak penerbitan awalnya pada tahun 1940, buku ini terus dibaca oleh ramai orang. Ia bukan hanya diterbitkan dalam bahasa Inggeris sahaja, tetapi turut diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis, Sweden, Jerman, Sepanyol, dan Itali. Justeru, persoalan mengapa perlu menulis semula buku ini untuk pembaca moden pada masa kini?

Sebab utamanya adalah kerana telah terjadi pelbagai perubahan yang begitu pesat, baik dalam masyarakat kita, mahupun dalam aktiviti pembacaan itu sendiri. Hari ini, semakin ramai anak muda memasuki dan menamatkan pengajian selama empat tahun di universiti. Ini bermaksud terdapat lebih ramai orang zaman sekarang yang berpendidikan. Manakala minat membaca juga telah menampakkan perubahan dalam kalangan masyarakat awam, dengan semakin ramai orang sudah beralih minatnya daripada membaca buku fiksi kepada buku bukan fiksi.

Meskipun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang tidak berubah. Untuk memenuhi pelbagai matlamat atau tujuan membaca, seseorang itu masih perlu membaca pelbagai jenis bahan bacaan dengan kadar kelajuan yang berbeza-beza. Namun, setiap bahan bacaan yang dibaca itu perlulah disesuaikan kadar kelajuan pembacaannya mengikut jenis-jenis bahan bacaan itu sendiri. Tidak semuanya harus dibaca dengan kadar yang laju, dan tidak semua juga perlu dibaca dengan kadar yang perlahan. Buku baharu yang anda sedang pegang ini, akan mengupas permasalahan tersebut dan menawarkan beberapa jalan penyelesaian, dengan matlamat untuk membantu anda sebagai pembaca agar dapat membaca dengan lebih baik, lebih berkesan, dan lebih kritis.

Malangnya, masih terdapat satu lagi perkara yang tidak berubah dalam aktiviti atau kegiatan membaca. Kita masih kekurangan panduan, latihan dan kaedah pembacaan pada tahap yang lebih tinggi, setelah berjaya melepasi tahap asas dalam membaca pada peringkat rendah. Secara umumnya setakat ini, panduan, latihan dan kaedah pengajaran terhenti pada tahap asas tanpa ada banyak usaha yang dilakukan untuk membantu para pelajar, khususnya, untuk meningkatkan kebolehan membaca mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Jika buku *How to Read a Book* diperlukan pada tahun 1940 yang lalu—sepertimana yang dizahirkan oleh jumlah naskhahnya yang terjual serta sambutan hangat daripada para pembacanya—maka keperluan tersebut menjadi jauh lebih besar pada hari ini. Namun, memenuhi keperluan permintaan pembaca bukanlah satu-satunya dorongan utama dalam usaha penulisan semula buku ini.

Hal yang utamanya, penambahbaikan ini didorong oleh pengetahuan dan kefahaman yang baru dan lebih mendalam tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam proses belajar membaca. Kini, kita lebih faham dengan lebih mendalam tentang beberapa kesukaran untuk belajar membaca dengan lebih baik. Sekarang, kita juga lebih jelas tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan seni membaca buku.

Selain itu, terdapat cara dan kaedah baharu bagaimana untuk menerapkan prinsip dan peraturan membaca untuk jenis-jenis bahan bacaan yang berbeza. Beberapa teknik, langkah dan kaedah membaca yang penting juga belum pernah dinyatakan sebelum ini dalam edisi yang terdahulu.

Kesemua yang disebutkan di atas tadi, tidak dibincangkan secukupnya atau tidak dibahasakan sama sekali dalam buku yang ditulis tiga puluh tahun yang lampau itu. Justeru, kekurangan dan kelemahan tersebut menuntut kepada suatu penulisan semula yang lebih menyeluruh, yang sekarang telah pun disiapkan dan diterbitkan di sini.

Edisi baharu buku *How to Read a Book* ini disusun berdasarkan kepada empat tahap membaca, iaitu pembacaan asas, pembacaan penelitian, pembacaan analitis, dan pembacaan perbandingan (*syntopical*). Selain itu, edisi ini juga menampilkan perbincangan yang lebih menyeluruh tentang pelbagai pendekatan membaca mengikut jenis-jenis bahan bacaan. Turut disediakan dalam edisi baharu *How to Read a Book* ini, langkah dan kaedah yang tersusun, bagaimana untuk membaca, misalnya, buku praktikal dan teori, sastera kreatif, sejarah, sains dan matematik, sains sosial, serta falsafah. Perbincangan mengenai pembacaan perbandingan turut

diperkenalkan sebagai tahap pembacaan tertinggi antara keempat-empat tahap yang disenaraikan. Pembacaan perbandingan belum pernah dibincangkan dalam edisi terdahulu.

Saya berterima kasih kepada Van Doren terhadap sumbangan yang telah beliau berikan dalam usahasama kami ini. Beliau dan saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat semua yang telah menyampaikan kritik-kritik membina dan memberi panduan serta bimbingan kepada kami. Buat rakan kami, Arthur L. H. Rubin, terima kasih diucapkan atas bantuan serta pertolongan yang diberikan. Beliau telah meyakinkan kami untuk memperkenalkan banyak perubahan-perubahan penting yang membezakan edisi baharu ini dengan edisi yang terdahulu, dan kami menzahirkan cadangan-cadangan beliau itu dalam buku ini. Akhir sekali, kami berharap buku ini menjadi lebih baik dan bermanfaat untuk semua pembaca.

Mortimer J. Adler

Boca Grande

26 Mac 1972

BAHAGIAN I

Kepentingan Membaca

1

Aktiviti Membaca

Ini adalah sebuah buku yang ditujukan kepada para pembaca dan mereka yang berhasrat untuk menjadi pembaca. Lebih khusus lagi, ia adalah buat mereka yang membaca buku dengan tujuan utamanya untuk meningkatkan kefahaman.

Apa yang kami maksudkan dengan ‘para pembaca’ ialah orang-orang yang memperoleh sebahagian besar maklumat dan kefahaman tentang dunia ini daripada sumber-sumber bertulis. Walau bagaimanapun, ia tidak terhad kepada sumber tersebut semata, kerana sebahagian maklumat dan kefahaman boleh sahaja diperoleh menerusi mendengar ucapan secara lisan dan juga melalui pemerhatian. Namun bagi kebanyakan orang, mendengar dan memerhati sahaja tidaklah mencukupi. Mereka sedar bahawa mereka juga perlu membaca, dan membaca itulah yang mereka lakukan.

Namun begitu, dewasa ini sebahagian orang berpendapat bahawa membaca tidak lagi menjadi keperluan sebagaimana zaman-zaman terdahulu. Hal ini demikian kerana kita boleh mendapatkan banyak maklumat dan pengetahuan dengan menonton filem atau mendengar radio. Bahkan seseorang boleh mendengar sambil melakukan perkara yang lain, contohnya mendengar radio sambil memandu kereta. Kendatipun, kita boleh mempersoalkan secara

serius, apakah sesungguhnya kaedah-kaedah komunikasi moden tersebut dapat meningkatkan kefahaman kita tentang dunia yang kita diami ini?

Barangkali pada ketika ini, kita lebih banyak mengetahui tentang dunia berbanding zaman-zaman sebelumnya, dan keadaan sebegini adalah amat baik sekali. Dalam erti kata lain, pengetahuan menjadi suatu keperluan untuk memperoleh kefahaman. Namun, pengetahuan tidaklah sepenuhnya menjadi keperluan yang utama kepada sebuah kefahaman sebagaimana yang disangkakan. Kita tidaklah perlu mengetahui semua perkara tentang sesuatu untuk kita memahaminya. Adakalanya, terlalu banyak maklumat dan fakta boleh menjadi penghalang kepada kita untuk memahami.

Sesungguhnya, terdapat pelbagai cara yang kita gunakan untuk mengirim dan menerima maklumat sehingga hampir-hampir menyebabkan kita tidak lagi perlu berfikir. Penonton filem, pendengar radio dan pembaca majalah-majalah popular dihidangkan dengan pelbagai bentuk fakta dan angka yang membantunya untuk membentuk sudut pandanganya sendiri. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut dikemukakan kepadanya dengan cara yang begitu berkesan sekali sehingga menyebabkan individu tersebut tidak benar-benar berfikir dalam proses untuk menentukan keputusannya sendiri. Beliau menerima pendapat-pendapat orang lain yang telah dipersiapkan dengan teliti untuknya. Apabila suatu persoalan itu diperbahaskan, beliau dapat mengingat apa yang telah dilihatnya, atau didengarnya dan kemudian mengulang-ulang keterangan yang sama. Beliau tidaklah lagi perlu berfikir.

Pembacaan Aktif

Tumpuan utama keprihatinan kami menerusi lembaran halaman buku ini adalah berkenaan dengan pengembangan kemahiran anda dalam membaca buku. Namun demikian, kaedah dan peraturan membaca yang diterapkan ini—jika diikuti dan diamalkan, bukan hanya terpakai pada buku sahaja bahkan turut mampu memperkembangkan kemahiran anda dalam membaca sebarang jenis bahan bercetak yang lain.

Sebarang bentuk pembacaan yang dilakukan adalah merupakan suatu aktiviti. Kita tentunya tidak boleh membaca tanpa menggerakkan mata atau tanpa menggunakan fikiran. Namun demikian, aktiviti membaca boleh menjadi *lebih aktif* atau *kurang aktif*; dan semakin aktif sesuatu pembacaan itu, maka semakin besar pula manfaatnya. Seseorang boleh menjadi pembaca yang baik berbanding rakan pembacanya yang lain jika beliau memperluaskan aktiviti pembacaannya dan meletakkan usaha yang bersungguh-sungguh dalam proses pembacaannya itu. Beliau boleh menjadi pembaca yang lebih baik jika beliau menuntut usaha keras daripada dirinya sendiri untuk mendapatkan kefahaman daripada teks yang dibacanya itu.

Tidak ada aktiviti pembacaan yang bersifat sepenuhnya tidak aktif. Tetapi, kebanyakan orang membandingkan aktiviti pembacaan dengan aktiviti penulisan dan pengucapan, tatkala keduanya secara jelas memerlukan kepada gerak tindakan. Lantas, mereka memutuskan bahawa membaca dan mendengar merupakan tindakan yang seluruhnya pasif. Mereka menyedari bahawa seseorang penulis atau pembicara mestilah menggunakan sedikit sebanyak usaha dalam aktiviti mereka, manakala mereka pula

menganggap bahawa seseorang pembaca dan pendengar itu tidak perlu melakukan apa-apa. Membaca dan mendengar dianggap oleh mereka sebagai menerima sesuatu daripada seseorang yang secara aktifnya terlibat dalam aktiviti memberi atau menghantar, sama keadaannya seperti seseorang yang menerima hadiah. Walau bagaimanapun, sebaliknya seseorang pembaca atau pendengar itu sebenarnya adalah lebih seumpama seseorang yang menangkap bola.

Sepertimana membaling bola, menangkap bola juga adalah suatu tindakan yang bersifat aktif. Seorang pembaling bola bertindak sebagai penghantar, kerana memulakan aktiviti dengan menggerakkan bola tersebut. Seorang penangkap bola itu pula adalah penerima, kerana tindakan yang dilakukannya itu yang akan memberhentikan gerakan bola tersebut. Kedua-duanya adalah aktif, meskipun melakukan tindakan yang berbeza. Jika ada hal yang tidak aktif, ia hanyalah bola itu sendiri. Perkara-perkara yang ditulis dan dibaca, sama seperti bola tersebut, adalah objek tidak aktif yang mirip dengan kedua-dua aktiviti yang memulakan dan menamatkan proses tersebut.

Namun demikian, sama ada pembaling bola mahupun penangkap bola hanya akan berjaya jika kedua-duanya bekerjasama. Demikianlah juga keadaannya dengan hubungan antara penulis dan pembaca. Seseorang penulis mahu agar apa yang disampaikan-nya itu difahami walaupun kadangkala ia tidaklah terlihat sebegitu. Apabila seseorang pembaca memahami apa yang tertulis, maka kemahiran penulis dan kemahiran pembaca akhirnya menyatu untuk mencapai tujuan bersama.

Namun, perlu diakui bahawa semua penulis, seperti juga semua pembaling bola, tidaklah sama sifatnya. Seseengah penulis mengetahui secara tepat apa yang ingin disampaikan, dan mereka kemudian menyampaikannya dengan jelas. Manakala yang lain pula lebih sukar untuk difahami. Walau bagaimanapun, suatu bahan bertulis bukanlah objek atau perkara yang mudah. Sesungguhnya amat sedikit sahaja daripada apa yang disampaikan oleh penulis mungkin dapat difahami oleh pembaca—atau mungkin semuanya sekali. Nisbah peratusan yang difahami oleh pembaca biasanya bergantung kepada jumlah aktiviti yang diletakkan olehnya dalam proses tersebut, dan juga bergantung kepada kemahiran-kemahiran yang digunakannya untuk melakukan pelbagai aktiviti mental yang diperlukan.

Apakah yang mesti dilakukan oleh seseorang untuk membaca secara aktif?

Kita akan berusaha untuk menjawab persoalan ini berulang-ulang kali dalam buku ini. Buat masa sekarang, memadai untuk dikatakan bahawa, dengan diberikan satu bahan bertulis yang sama, seseorang itu boleh membaca dengan lebih baik daripada seseorang yang lain, jika yang pertama, beliau membacanya dengan lebih aktif, dan yang kedua, dengan melakukan setiap satu daripada aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam proses membaca itu dengan lebih berkemahiran. Membaca mengandungi sejumlah besar aktiviti-aktiviti yang terpisah, yang kesemuanya perlu dilakukan untuk menjelmakan sebuah pembacaan yang baik. Seseorang yang berkeupayaan untuk melakukan lebih banyak aktiviti-aktiviti tersebut, akan berkemampuan pula untuk membaca dengan lebih baik.

Tujuan Membaca: Maklumat dan Kefahaman

Setiap daripada kita dikurniakan akal fikiran, yang dengannya kita berupaya mengetahui dan memahami sesuatu. Katakanlah anda mempunyai sebuah buku yang anda ingin baca. Buku tersebut mengandungi bahasa yang ditulis oleh seseorang yang mahu menyampaikan sesuatu kepada anda. Kejayaan anda dalam membuat pembacaan tersebut ditentukan oleh jumlah mesej yang anda terima daripada kesemua mesej yang ingin disampaikan oleh penulis buku tersebut.

Namun, penjelasan tersebut adalah terlalu ringkas. Sebabnya ialah, bukan hanya satu tetapi terdapat dua kemungkinan hubungan antara akal fikiran anda dengan buku tersebut. Kedua-dua kemungkinan hubungan ini ditampilkkan menerusi dua pengalaman yang berbeza yang boleh diperolehi ketika membaca buku tersebut. Sewaktu anda menyelak halaman demi halaman buku tersebut dan membacanya, pada ketika itu sama ada anda mungkin memahami sepenuhnya apa yang penulis ingin sampaikan, ataupun anda tidak memahaminya. Jika anda memahaminya, anda mungkin telah memperoleh maklumat yang disampaikan tetapi tidak semestinya kefahaman anda meningkat. Sekiranya buku tersebut dapat difahami sepenuhnya oleh anda daripada mula sampai akhir, ia bermaksud penulis dan anda adalah seperti dua pemikiran dalam satu acuan yang sama. Kata dan ayat yang tertera pada setiap halaman hanyalah mengungkapkan kefahaman bersama yang sudah anda miliki sebelum anda bertemu dengan penulis dalam buku tersebut.

Kemungkinan pengalaman yang kedua ialah anda tidak memahami sepenuhnya buku yang dibaca itu. Katakanlah anda memahami secukupnya untuk mengerti bahawa anda sebenarnya tidak

memahami keseluruhan buku tersebut. Anda sedar bahawa buku tersebut mengandungi banyak perkara yang ingin disampaikan melebihi daripada apa yang anda sendiri faham, dan oleh sebab itu, anda merasakan bahawa buku tersebut memiliki sesuatu yang boleh meningkatkan lagi kefahaman anda.

Justeru, apa yang akan anda lakukan?

Anda boleh membawa buku tersebut kepada seseorang yang anda rasakan boleh membacanya dengan lebih baik daripada diri anda dan kemudian memintanya untuk menjelaskan bahagian-bahagian daripada buku tersebut yang menyukarkan pemahaman anda. Atau anda mungkin memutuskan bahawa apa-apa yang anda tidak boleh faham daripada buku tersebut adalah tidak penting, dan hanya memadai dengan apa yang telah anda fahami sahaja. Dalam kedua-dua kes ini, anda sebenarnya tidaklah melakukan jenis pembacaan sepertimana yang sepatutnya diperlukan oleh buku tersebut.

Jenis pembacaan sepatutnya yang kami maksudkan di atas hanya boleh dilakukan dengan satu cara sahaja. Ia menuntut diri anda untuk berusaha membaca buku tersebut tanpa meminta pertolongan daripada sesiapa. Dengan menggunakan semata-mata kemampuan akal fikiran, anda meneliti bait-bait perkataan yang tertera pada setiap halaman buku tersebut, dan secara berperingkat berjaya mengangkat diri anda daripada *keadaan kurang memahami* kepada *keadaan lebih memahami* akan buku yang dibaca itu. Keadaan peningkatan kefahaman yang sedemikian, yang dapat dicapai hasil daripada usaha yang dilakukan oleh akal fikiran untuk memahami sesebuah buku itu, merupakan suatu upaya pembacaan berkemahiran tinggi, yakni suatu cara pembacaan yang selayaknya

digunakan dalam membaca buku-buku yang menguji dan mencabar kefahaman anda.

Maka dengan demikian, kita dapat menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan seni membaca itu adalah suatu proses yang membolehkan akal fikiran pembaca dipertingkatkan kefahamannya semata-mata dengan memanfaatkan bait-bait perkataan yang tercetak dalam bahan bacaan tersebut. Menerusi proses ini, akal fikiran pembaca mengalami perkembangan yang akan menyebabkan berlakunya peningkatan tahap kefahamannya terhadap isi perbincangan buku tersebut. Pelbagai langkah yang menyebabkan hal ini boleh terjadi adalah merupakan suatu set kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pembaca yang berjaya.

Untuk berganjak daripada *keadaan kurang kefahaman* kepada *keadaan lebih kefahaman*, dengan menggunakan semata-mata akal fikiran kita sendiri, sememangnya memerlukan suatu daya usaha yang besar. Jenis pembacaan yang perlu dilakukan ini adalah suatu jenis pembacaan yang bersifat lebih aktif daripada apa yang anda pernah lakukan selama ini. Bahkan ia juga memerlukan, bukan sahaja aktiviti atau kegiatan yang lebih, tetapi juga kemahiran yang lebih untuk melaksanakan pelbagai langkah yang diperlukan itu. Bahan-bahan yang biasanya dianggap sebagai lebih sukar untuk dibaca, dan oleh sebab itu, ia hanyalah untuk pembaca yang lebih mahir, justerunya adalah bahan-bahan yang lebih wajar dibaca dengan menerapkan kaedah atau jenis pembacaan ini.

Perbezaan antara membaca untuk mendapatkan maklumat dan membaca untuk mendapatkan kefahaman adalah tidak semudah seperti yang mungkin anda sangkakan. Ayuh kita bincangkan dengan lebih lanjut tentang persoalan ini. Kita harus

mempertimbangkan tujuan kedua-dua jenis pembacaan tersebut, kerana garis perbezaan antara kedua-duanya itu sering kali kabur dan tidak jelas. Jika kita dapat menghuraikan tujuan membaca bagi kedua-duanya ini, maka kita boleh menggunakan istilah ‘membaca’ dengan dua maksud yang berbeza.

Maksud yang pertama adalah merujuk kepada pembacaan surat khabar, majalah atau sebarang bahan-bahan lain, yang berdasarkan kepada kemahiran serta kebolehan yang kita miliki, dapat kita fahaminya dengan cepat. Pembacaan sedemikian mungkin menambah gudang maklumat kita, tetapi ia tidak dapat meningkatkan kefahaman kita. Hal demikian kerana kefahaman kita sudah pun berada setara dengan bahan bacaan tersebut sebelum kita memulakan pembacaan itu lagi. Jika tidak demikian keadaannya, kita tentunya akan berasa bingung dan keliru ketika kita membacanya.

Maksud yang kedua adalah merujuk kepada pembacaan sesuatu bahan yang pada mulanya kita tidak sepenuhnya memahami apa yang ingin disampaikan. Dalam keadaan ini, bahan bacaan tersebut pada permulaannya berada di kedudukan yang ‘lebih tinggi’ daripada pembacanya. Penulisnya menyampaikan sesuatu yang boleh membuatkan kefahaman pembaca meningkat. Komunikasi yang sedemikian antara sesama manusia dengan tahap kefahaman yang tidak setara boleh sahaja terjadi. Ini kerana, jika tidak demikian, maka tiada seorang pun yang dapat mempelajari sesuatu daripada orang lain, sama ada menerusi tulisan ataupun ucapan. Dalam hal ini, istilah ‘pembelajaran’ bermaksud memahami sesuatu itu dengan lebih mendalam, bukan sekadar mengingat lebih banyak maklumat yang sama dengan maklumat yang sudah kita miliki.

Apakah syarat-syarat yang membolehkan jenis pembacaan ini—yakni pembacaan untuk mendapatkan kefahaman—terjadi?

Terdapat dua syaratnya. Pertama, wujud pada awalnya keadaan ketidaksetaraan dalam kefahaman. Penulis mestilah berada pada kedudukan yang 'lebih tinggi' daripada pembaca dari sudut kefahaman, dan bukunya haruslah berupaya untuk menyampaikan dengan jelas tentang kefahaman khusus yang dimiliki olehnya. Kedua, pada tahap yang tertentu, pembaca sendiri mestilah berupaya untuk mengatasi keadaan ketidaksetaraan tersebut. Mungkin agak jarang berlaku keadaan yang memperlihatkan pembaca berjaya menyamai kefahaman penulis, namun beliau mestilah sentiasa berusaha untuk mencapainya.

Kita hanya boleh belajar daripada orang yang lebih berpengalaman daripada kita. Kita mesti mengetahui siapakah mereka dan bagaimanakah pula untuk belajar daripada mereka. Dalam buku ini, kita secara khususnya menumpukan kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan jenis tersebut, yang menguasai seni membaca menurut cara yang kedua itu. Setiap orang yang boleh membaca berkemungkinan mempunyai sedikit sebanyak kebolehan untuk membaca dengan cara kedua itu. Malahan, semua daripada kita sebenarnya boleh belajar membaca dengan lebih baik, dan secara berperingkat akan memperoleh lebih kefahaman menerusi usaha kita untuk menerapkannya terhadap bahan-bahan bacaan yang lebih menarik dan bermanfaat.

Adakalanya amatlah sukar untuk melihat perbezaan antara fakta-fakta yang menambahkan maklumat dan gagasan-gagasan yang meningkatkan kefahaman. Dan kami mengakui bahawa kadangkala fakta-fakta itu sendiri juga dapat membawa kepada bertambahnya

kefahaman. Namun demikian, kami mahu tegaskan di sini sekali lagi bahawa tujuan buku ini adalah untuk memperbaiki kemahiran dan seni membaca, dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman kita semua. Jika anda belajar untuk melakukannya, maka aktiviti membaca untuk mendapatkan maklumat juga akan menjadi mudah.

Sudah tentu, terdapat satu lagi tujuan pembacaan, selain daripada untuk memperoleh maklumat dan kefahaman. Ia adalah membaca untuk hiburan. Walau bagaimanapun, buku ini tidak akan banyak memperkatakan tentang membaca untuk hiburan. Ia adalah jenis pembacaan yang paling mudah, dan memerlukan usaha yang paling sedikit. Pembacaan jenis ini tidaklah mempunyai peraturan-peraturannya yang tertentu. Setiap orang yang tahu membaca boleh membaca untuk hiburan, sekiranya beliau mahu.

Pembacaan sebagai Kaedah Pembelajaran

Mendapatkan lebih banyak maklumat adalah suatu bentuk pembelajaran, dan demikian juga dengan mendapatkan kefahaman mengenai perkara yang anda tidak faham sebelumnya. Namun perbezaan antara dua jenis pembelajaran ini adalah penting.

Berkeadaan tahu itu bermakna semata-mata mengetahui bahawa sesuatu itu adalah fakta. Berkeadaan memahami pula bermaksud mengetahui segala sesuatu berkaitan dengan fakta tersebut: iaitu mengapakah fakta itu adalah suatu perkara yang sebenar, apakah hubungannya dengan fakta-fakta yang lain, dari sudut apakah persamaannya, dari sudut apakah pula perbezaannya; dengan erti kata lain, apakah makna kepada fakta tersebut.

Perbezaan ini adalah sama dengan perbezaan antara kemampuan untuk mengingat sesuatu dan kemampuan untuk menghuraikannya. Jika anda mengingat apa yang diperkatakan oleh seorang penulis, anda telah mempelajari sesuatu daripada aktiviti anda membaca apa yang ditulisnya. Jika apa yang diperkatakan olehnya itu benar, bermakna anda telah mempelajari sesuatu tentang buku tersebut atau suatu fakta berkait alam ini. Namun begitu, sama ada ia berkenaan dengan fakta tentang buku atau fakta mengenai alam yang telah anda pelajari daripadanya, sebenarnya anda tidak mendapat apa-apa pun melainkan hanya maklumat sahaja, jika anda hanya menggunakan ingatan anda semata-mata. Dalam konteks ini, anda masih belum mempertingkatkan kefahaman. Kefahaman hanya boleh meningkat apabila, selain daripada mengetahui apa yang diperkatakan oleh seorang penulis, anda juga perlu memahami apa yang dimaksudkannya dan mengapa beliau mengatakannya.

Malangnya, terdapat orang yang banyak membaca, tetapi tidak membaca dengan baik. Untuk menghindarkan daripada menjadi pembaca sedemikian, kita mesti mempertimbangkan perbezaan yang wujud antara pembelajaran menerusi pengajaran dan pembelajaran menerusi penemuan. Perbezaan ini mempunyai kepentingan dan pengaruh yang besar terhadap pembacaan dan juga pendidikan secara umumnya.

Apabila seseorang mengajar seseorang yang lain melalui pengucapan atau penulisan, maka proses ini dipanggil pembelajaran menerusi pengajaran. Namun demikian, sebagaimana yang kita semua ketahui, kita sebenarnya boleh mendapatkan pengetahuan tanpa perlu diajar. Inilah yang disebut sebagai kaedah yang

berbentuk penemuan, yakni proses pembelajaran mengenai sesuatu yang dilakukan menerusi pemerhatian, penyelidikan, atau mencari fakta, tanpa perlu diajar. Secara ringkasnya, penemuan adalah proses pembelajaran tanpa guru, dan pengajaran adalah proses pembelajaran dengan bantuan daripada seorang guru. Dalam kedua-dua kes tersebut, aktiviti mempelajari dialami oleh orang yang belajar.

Ternyata hal ini amatlah benar sehinggakan cara yang lebih baik untuk membuat perbezaan antara penemuan dan pengajaran supaya lebih jelas, adalah dengan menyebutkan pengajaran sebagai ‘penemuan yang dibantu’. Tanpa perlu kita membincangkan teori-teori pembelajaran dengan lebih terperinci, adalah jelas bahawa aktiviti mengajar adalah suatu seni yang sangat istimewa, yang berkongsi nilai dan prinsip penting yang sama hanya dengan dua seni yang lain, iaitu pertanian dan perubatan.

Seorang doktor mungkin menggunakan bermacam kaedah perubatan untuk pesakitnya, tetapi pada akhirnya, pesakit itu sendirilah yang perlu sembuh dan mesti menjadi lebih sihat.

Seorang petani pula melakukan pelbagai perkara kepada tanaman-tanaman dan haiwan ternakannya, tetapi pada akhirnya, tanaman dan haiwan ternakan itu sendirilah yang perlu tumbuh dan membesar dengan sihat dan baik.

Demikianlah juga halnya dengan pengajaran, walaupun seseorang guru mungkin menolong para pelajarnya daripada pelbagai aspek, namun pada akhirnya pelajar itu sendirilah yang mesti belajar. Pengetahuan mestilah tumbuh segar dalam akal fikirannya, barulah memungkinkan pembelajaran untuk berlaku.

Bagaimana pula halnya dengan berfikir?

Jika yang dimaksudkan dengan ‘berfikir’ itu ialah penggunaan akal fikiran untuk mendapatkan pengetahuan atau kefahaman, dan jika pembelajaran menerusi penemuan dan pembelajaran menerusi pengajaran menjadi satu-satunya kaedah untuk memperoleh pengetahuan, maka tindakan berfikir mestilah turut berlaku ketika terjadinya kedua-dua aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir orang cenderung menghubungkan tindakan berfikir itu dengan penemuan berbanding pengajaran. Mereka beranggapan bahawa aktiviti membaca dan mendengar itu tidak memerlukan usaha yang banyak.

Mungkin ada benarnya juga pandangan tersebut, kerana seseorang itu tidak banyak menggunakan upaya berfikir apabila beliau membaca hanya sekadar untuk mendapatkan maklumat atau hiburan berbanding dengan seseorang lain yang berusaha untuk memahami sesuatu. Pembacaan seperti itu adalah daripada jenis-jenis pembacaan yang bersifat kurang aktif. Walau bagaimanapun, pernyataan tersebut adalah tidak benar jika kita merujuk kepada pembacaan yang aktif—yakni usaha-usaha membaca demi untuk mendapatkan kefahaman.

Berfikir hanyalah satu bahagian daripada aktiviti pembelajaran. Seseorang mestilah juga menggunakan deria dan imajinasinya. Beliau mestilah mengamati, serta mengingat, dan mencipta secara imaginatif apa yang tidak dapat diamati. Misalnya, ramai orang menganggap bahawa meskipun seorang penyair perlu menggunakan imajinasinya untuk menulis sebuah puisi, tetapi beliau tidaklah perlu menggunakan imajinasinya sewaktu membaca puisi tersebut.

Oleh yang demikian, seni membaca itu merangkumi kesemua kemahiran yang sama seperti yang diperlukan dalam penemuan. Alasannya di sini bahawa aktiviti membaca adalah juga suatu bentuk penemuan, dengan bantuan imaginasi, dan bukannya tanpa imaginasi.

Kehadiran dan Ketidakhadiran Guru

Memanglah benar bahawa baik membaca mahupun mendengar itu boleh dianggap sebagai aktiviti pembelajaran daripada para guru. Kedua-duanya merupakan cara untuk menerima pengajaran, dan bagi kedua-duanya itu, seseorang harus memiliki kemahiran dalam seni menuntut ilmu. Namun demikian, di sini terdapat satu perbezaan. Mendengar merupakan belajar daripada guru yang hadir—yakni guru yang hidup—sedangkan membaca itu pula adalah belajar daripada guru yang tidak hadir.

Jikalau anda bertanya soalan kepada seorang guru, kemungkinan besar beliau akan menjawab soalan tersebut. Jika kemudian anda berasa bingung dengan apa yang diperkatakannya, anda boleh meminta penjelasan lanjut daripadanya. Namun, sekiranya anda menanyakan soalan kepada sebuah buku, anda perlu menjawabnya sendiri. Dalam konteks ini, buku adalah seumpama alam atau dunia ini. Apabila anda menyوالnya, ia akan menjawab soalan anda itu, dengan syarat anda sendiri yang melakukan kerja-kerja berfikir dan menyelidik terhadap persoalan tersebut.

Para pelajar di sekolah seringkali membaca buku-buku yang sukar dan rumit dengan bantuan daripada para guru. Akan tetapi, proses pendidikan berterusan kita saban hari bergantung terutamanya kepada buku semata-mata, yakni buku-buku yang dibaca

tanpa bantuan guru. Justeru, sekiranya kita mahu terus belajar dan meneroka, maka kita mestilah mengetahui bagaimanakah kaedah-kaedah yang membolehkan buku-buku itu sendiri dapat mengajar kita dengan baik. Sesungguhnya, itulah matlamat utama buku yang sedang anda tatap ini.